

# Amaran 'jangan main api' Xi Jinping kepada Joe Biden

**BEIJING** – Presiden China, Xi Jinping memberi amaran kepada rakan sejawatnya dari Amerika Syarikat (AS), Joe Biden supaya tidak 'bermain api' berhubung isu Taiwan, lapor akhbar *Saudi Gazette*.

Amaran Jinping disuarakan menerusi panggilan telefon kelima antara kedua-dua pemimpin berkenaan yang berlangsung lebih dua jam kelmarin.

Perkembangan itu berlaku ketika Beijing semakin bimbang Speaker Dewan Perwakilan AS, Nancy Pelosi akan melakukan lawatan ke pulau yang dituntut Beijing itu.

Menurut media China, Jinping memberitahu Biden bahawa AS harus mematuhi 'dasar satu China' selain menegaskan bahawa Beijing akan menentang kemerdekaan Taiwan serta campur tangan kuasa luar.

China memberi amaran keras mengenai kesan bu-

ruk sekiranya Pelosi melawat Taiwan dan menyatakan, AS berdepan peningkatan ancaman ketenteraan dan ekonomi dari China.

Lawatan Pelosi sekiranya berlaku, akan dianggap sebagai sokongan terbuka AS kepada Taiwan.

"Mereka yang bermain api hanya akan terbakar. Kami berharap AS dapat melihat isu ini dengan jelas," lapor media China yang memetik Jinping sebagai memberitahu Biden.

China memberikan isyarat kepada tindak balas yang mungkin diambil jika Pelosi meneruskan lawatan itu.

Menurut pegawai-pegawai AS, panggilan telefon itu turut membincangkan agenda lebih luas termasuk perang Russia di Ukraine.

Pegawai-pegawai AS berkata, mereka melihat dialog tersebut sebagai peluang untuk mengu-

ruskan persaingan antara dua ekonomi terbesar dunia tersebut selepas hubungan Washington-Beijing semakin tegang berhubung isu Taiwan.

AS tidak mempunyai hubungan rasmi dengan Taiwan dan sebelum ini Washington akur kepada 'dasar satu China' yang mengiktiraf Beijing dan bukannya Taipei secara diplomatik.

Akan tetapi, berdasarkan perjanjian Washington-Taipei, AS perlu menyediakan kaedah untuk Taiwan mempertahankan diri daripada diserang. –

AGENSI




**Mereka yang bermain api hanya akan terbakar.  
Kami berharap AS dapat melihat isu ini dengan jelas."**

**JINPING**



**JINPING memberi amaran kepada Biden mengenai isu Taiwan. – AFP**

**KAPAL frigate Taiwan melancarkan peluru berpandu semasa latihan tentera di perairan dekat daerah Yilan pada 26 Julai lalu. – AFP**



**ASKAR Tentera Pembebasan Rakyat China (PLA) menjalani latihan ketenteraan di wilayah Xinjiang pada 4 Januari 2021.** – AFP

## Tentera China 'bersedia berperang'

**BEIJING** – Satu hantaran yang dimuat naik tentera China mengenai 'bersedia untuk berperang' di laman sosial tempatan Weibo, mendapat sokongan beratus-ratus ribu netizen, lapor laman berita RT.

Walaupun hantaran itu disiarkan ketika China memberi amaran kepada Amerika Syarikat (AS) supaya tidak melakukan provokasi mengenai Taiwan, ia bagaimanapun merujuk kepada sambutan ulang tahun Tentera Pembebasan Rakyat China (PLA) tidak lama lagi, lapor akhbar

*Global Times*.

Mesej dalam bahasa Mandarin itu dimuat naik kelmarin dalam akaun Weibo milik Ketumbukan Tentera ke-80 PLA yang beribu pejabat di Weifang.

Hantaran itu menjana lebih 300,000 reaksi positif dan hampir 20,000 komen.

Frasa dalam bahasa Mandarin itu boleh diterjemahkan sebagai 'Bersedia untuk berperang' atau 'Bersedia untuk berlawan' tetapi menurut *Global Times*, terjemahan yang betul adalah ialah 'Bersedia untuk berperang'.

Jinping sebelum ini berkata, hanya mereka yang mampu berperang tidak perlu memulakannya.

Tanggal 1 Ogos ini menandakan ulang tahun ke-95 penubuhan PLA dan tentera China sedang sibuk bersiap sedia untuk meraikannya.

Bagaimanapun, hantaran itu disiarkan sehari selepas panggilan telefon antara Jinping dan Presiden AS, Joe Biden di mana pemimpin China itu menghantar mesej yang sangat jelas kepada Washington. – AGENSI